

Strategi Mengajar Seni Mendengar Secara Aktif Pada Kemahiran Mendengar: Saranan Dan Cabaran Bagi Pelajar Selain Penutur Jati

Wan Mohammad Taufik bin Wan Mohd Kamal

Pelajar Sarjana Kulliyah Bahasa Arab

Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS)

Muhammad Zaki bin Masoh

Pensyarah Kulliyah Bahasa Arab

Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS)

Abstrak

Tujuan kajian ini bertujuan menekankan tentang kepentingan mendengar yang diungkapkan oleh penutur dalam pembelajaran. Seni mendengar merupakan salah satu proses bagi penguasaan sesuatu ilmu. Justeru, kajian ini adalah untuk: (1) Menerangkan kemahiran mendengar dalam menguasai bahasa Arab. (2) Membimbing mentor dalam merealisasikan kemahiran mendengar. (3) Mengenal pasti hubungan alat bantu mengajar yang membantu menjayakan kemahiran mendengar (4) Cabaran dan faktor yang menghalang kejayaan kemahiran mendengar. Kajian ini menggunakan metodologi kuantitatif yang dijalankan terhadap sampel pelajar Tingkatan 5. Dapatan kajian menunjukkan kemahiran mendengar mampu memberi impak yang besar terhadap murid dalam menguasai bahasa Arab. Namun, PdPc baik dapat memberi implikasi yang besar terhadap kemahiran mendengar terutama di dalam pelaksanaan samaada pembelajaran di sekolah, pembelajaran di rumah (PdPr) atau pembelajaran jarak jauh.

Kata kunci: Kemahiran, Mendengar, Mendengar Secara Aktif, Pelajar, Guru

الملخص

الهدف من هذه الدراسة هو التأكيد على أهمية الاستماع الذي اصطلح عليه الخبراء بـ"فن الاستماع" الذي يعد أساساً لإتقان اللغة المستهدفة، فتهدف هذه الدراسة إلى توضيح دقيق عن مهارة الاستماع ودوره في إتقان اللغة العربية وإرشاد الموجهين إلى كيفية إدراك مهارة الاستماع. وتحديد الوسائل التعليمية التي تساعد على إنجاح وتحقيق مهارة الاستماع. والتأكيد على الوسائل التعليمية التي تعين على اكتساب مهارة الاستماع. ستستخدم هذه الدراسة المنهج التجريبي فأجريت الدراسة على عينة من طلاب السنة الخامسة في المرحلة الثانوية. أظهرت نتائج الدراسة أن مهارة الاستماع لها تأثير كبير على الطلاب في إتقان اللغة العربية، ومع ذلك، يمكن أن تعطي العملية التعليمية (PdPr) آثاراً كبيرة على مهارة الاستماع، لا سيما في تنفيذ ما إذا كان التعلم في المدرسة أو التعليم عن بُعد (PdPr).
الكلمات المفتاحية: المهارات، الاستماع، الاستماع الفعال، الطلاب، المعلمون

PENGENALAN

Allah berfirman: " Bertakwalah kepada Allah dan dengarkanlah perintah-Nya."¹. dan dengarlah (akan pengajaran-pengajaran-Nya) serta taatlah (akan perintah-perintah-Nya)"²

Oleh itu, pentingnya mendengar kerana ia merupakan kemahiran yang bergantung pada deria pendengaran, kerana pendengaran yang dimaksudkan dalam Al-Quran diulang di (27) tempat dan muncul dalam beberapa ayat-ayat yang akan diperjelaskan kemudian.

Proses pengajaran dan pembelajaran amat memerlukan kemahiran mendengar. Kemahiran mendengar yang dikaitkan dalam penyelidikan ini ialah kemahiran mendengar secara aktif. Memandangkan kemahiran mendengar memerlukan tahap kepekaan yang tertinggi dengan mendengar secara aktif dan mendengar secara aktif akan membentuk makna di dalam otak, dan yang pertama berbeza dengan yang kedua pada tahap dan bukan pada sifat pendengaran. Tahap pertama mendengar bermula dengan mengenali suara dengan pemahaman dan analisis serta diakhiri dengan kemampuan untuk memindahkan maklumat dan menilai. Maka pendengaran dicirikan oleh aspek memberi perhatian dan fokus padanya lebih besar, dan mendengar secara aktif ialah pendengaran yang berterusan dan berfokus dengan memberi perhatian yang tinggi terhadap bahan audio.

Hasil daripada penyelidikan ini, ia membantu para guru mengendalikan proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas dengan menggunakan kemahiran mendengar. Pelajar pula dapat menerima maklumat melalui penghantaran ke deria pendengaran mereka serta memproses maklumat di dalam minda. Hasilnya, pelajar dapat menyebut dengan betul perkataan, frasa atau ayat-ayat yang didengari daripada guru. Disamping guru dapat mengatasi masalah di dalam mempraktikkan kemahiran mendengar ini.

PENYATAAN MASALAH

Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) merupakan pentaksiran yang berterusan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran bagi mendapatkan maklumat tentang perkembangan, kemajuan, kebolehan dan pencapaian murid. PBD berlaku secara formatif dan sumatif; sebagai pembelajaran, untuk pembelajaran dan tentang pembelajaran.³ PBD merupakan skala untuk mengukur penguasaan pelajar terutama dalam kemahiran mendengar. Maklumat tersebut digunakan untuk membantu guru merancang tindakan susulan bagi menambah baik penguasaan dan pencapaian murid dalam pembelajaran. Pelaksanaan PBD dalam KSSM (Semakan 2019) melibatkan penentuan Tahap Penguasaan (TP) berdasarkan Standard Prestasi (SP) dalam DSKP.

Terdapat enam TP yang disusun secara hierarki bagi semua mata pelajaran meliputi aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai. Setiap murid perlu dibimbing dan diberi peluang untuk TP 4 yang merupakan kebolehan murid mampu menyebut ungkapan dan ayat dengan fasih dan lancar bersama sebutan dan intonasi yang betul secara responsif dan sistematik. Walau bagaimanapun, kepelbagaian potensi murid menyebabkan murid tidak mampu mencapai TP 4 dan menekankan agar guru melaksanakan tindakan susulan bagi membantu murid meningkatkan tahap keupayaan masing-masing untuk mencapai TP 3 sehingga TP 6 (KPM, 2018) dalam kemahiran mendengar.

Berdasarkan rekod penyelidikan, terdapat murid yang hanya mencapai TP 3 bagi kemahiran mendengar Bahasa Arab. Kemahiran mendengar merupakan salah satu kemahiran yang dinilai bagi menentukan TP Bahasa Arab. Kemahiran Mendengar merupakan kemampuan murid untuk mendengar, memahami dan memberi respons terhadap perkara yang didengar. Kaedah yang digunakan oleh pengkaji dalam PdPc adalah pelbagai antaranya menyebut dan

mendapatkan respon daripada ungkapan yang diungkapkan oleh murid. Namun, semasa melaksanakan penilaian kemahiran mendengar murid, terdapat murid yang tidak boleh menyebut dengan betul. Hal ini begitu membimbangkan kerana keupayaan ini perlu ditekankan pada tingkatan 1 sebelum murid meneruskan pembelajaran pada tingkatan 5 selari dengan hasrat PBD KPM agar guru menekankan berpaksikan empat kemahiran berbahasa (mendengar, bertutur, membaca dan menulis) dalam kalangan murid Tahap 1 (KPM, 2018; KPM, 2019).

Berdasarkan kepada pemerhatian dan pentaksiran yang dijalankan, beberapa murid yang tidak dapat mencapai TP 3 iaitu, Murid mampu menyebut ungkapan dan ayat dengan fasih dan lancar bersama sebutan dan intonasi yang betul secara responsif. Namun, tidak mampu menyebut ungkapan dan ayat dengan fasih dan lancar bersama sebutan dan intonasi yang betul secara responsif, sistematik dan tekal (TP 5). Selain itu, murid tidak boleh menyebut dengan tatabahasa dengan betul. Penguasaan mendengar yang rendah tentang perkataan-perkataan menyebabkan mereka sukar untuk bertutur dengan perkataan Bahasa Arab secara sah. Oleh itu, diharapkan kajian ini mampu mempertingkatkan kemahiran dalam kalangan murid-murid.

OBJEKTIF

Tujuan kajian ini adalah untuk merealisasikan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan dalam memantapkan pelajar melayu dan pelajar asing dalam penguasaan bahasa Arab, serta untuk mewujudkan jurulatih yang cekap dalam berbahasa Arab, bagi merealisasikan bahasa Arab bagi bahasa perlembagaan umat Islam keseluruhannya.

Masalah pengajaran dan penyelidikan dalam bidang ini ialah pelaksanaan kemahiran mendengar yang diterapkan di dalam institusi-institusi pendidikan. Kemahiran ini amat sukar dilaksanakan sekiranya terdapat pihak-pihak yang kurang memberi perhatian dan sokongan dalam mempraktikkan kemahiran mendengar ini. Oleh kerana ia tidak berjaya mendapat perhatian daripada pihak sekolah dan jabatan-jabatan yang berkenaan. Maka, kekurangan penyediaan alat bantu mengajar, strategi pelaksanaan yang tertentu, atau penyediaan mentor atau jurulatih yang berpengalaman dalam kemahiran ini akan menyebabkan kemahiran mendengar gagal dipraktikkan. Walaupun kemahiran mendengar merupakan salah satu medium

atau permulaan langkah untuk menguasai bahasa bersama-sama tiga kemahiran yang lain seperti ; bertutur, membaca dan menulis.

Hasil kajian dan pengkaji menggarapkan beberapa strategi yang perlu diterapkan dalam merealisasikan kemahiran mendengar seperti berikut:

- 1- Mendengar secara aktif adalah salah satu seni pendengaran yang perlu diterapkan dalam kalangan pelajar.
- 2- Penyelidikan dan kajian-kajian dalam bidang mendengar selalu dapat ditemui bahawa pendengaran yang baik adalah kaedah mendengar secara aktif.
- 3- Kefahaman dan penambahan kosa kata diingati di dalam minda dan hati bagi pendengar yang baik.
- 4- Pendengar yang baik, ialah mendengar dengan pelbagai perbendaharaan kata dan makna dengan secara fokus.

METODOLOGI KAJIAN

Metodologi Sampel Kajian Kajian ini dijalankan di Maahad Al-Imam An-Nawawi. Kajian ini meliputi seluruh populasi iaitu seramai 15 orang murid daripada 20 yang belajar di Maahad Al-Imam An-Nawawi, Kepala Batas. Sampelan bertujuan digunakan iaitu menyelidik dengan sengaja memilih sampel dengan tujuan mendapatkan jumlah sampel yang mewakili populasi luar bandar. Ujian secara lisan dilaksanakan di sekolah tersebut bagi mendapatkan keabsahan kajian.

TAKRIF MENDENGAR

Mendengar adalah salah satu seni bahasa yang paling penting. Ia merupakan seni bahasa pertama, dan ia mempunyai kedudukan yang baik dalam kehidupan kita, tetapi ia tidak mendapat perhatian yang cukup.

Mendengar berperanan sebagai pembantu untuk menguasai semua kemahiran bahasa lain dan merupakan salah satu cara untuk memahami dan komunikasi linguistik, ia tidak tercapai melalui kemahiran lain seperti ; bertutur , membaca, dan menulis.

Sesungguhnya, kemahiran memahami pendengaran tidak mendapat perhatian dalam latihan dan pendidikan yang terprogram seperti kemahiran bahasa lain, kerana sebilangan dari mereka percaya bahawa kemahiran ini dipelajari secara automatik melalui percampuran penutur ke dalam masyarakat tanpa sistem atau penetapan tertentu terlebih dahulu.⁴

Keperluan untuk memfokuskan pada seni mendengar dalam aspek pendidikan merupakan salah satu elemen yang penting daripada kebanyakan program pengajaran bahasa di negara-negara maju.⁵

Beberapa kajian menunjukkan bahawa 45% masa yang diluankan oleh manusia untuk mendengar percakapan orang lain dan pelajar sekolah rendah meningkat 5% iaitu 50% dari waktu sekolah mereka menghabiskan masa untuk mendengar percakapan orang lain dan 30% dari masa yang dihabiskan orang untuk bercakap dengan orang lain sementara 25% dari masa yang diluankan oleh orang antara membaca dan menulis.⁶

Antara kepentingan seni mendengar secara aktif dalam pembelajaran, sepertimana telah dijelaskan al-Quran :

وَإِذَا قُرِئَ الْقُرْآنُ فَاسْتَمِعُوا لَهُ وَأَنْصِتُوا لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ

“Dan apabila dibacakan al-Quran, maka dengarkanlah dan diamlah, agar kamu mendapat rahmat.”⁷

Pengulangan pendengaran dalam Al-Qur'an telah disebut sebanyak (27) dan dalam ayat-ayat ini memberitahu tentang kepentingan mendengar. Pada ayat yang lain, Allah SWT berfirman:

وَهُوَ الَّذِي أَنْشَأَ لَكُمْ السَّمْعَ وَالْأَبْصَرَ وَالْأَفْئِدَةَ قَلِيلًا مَّا تَشْكُرُونَ

“ Dan dialah yang telah menciptakan bagimu pendengaran, penglihatan, dan hati nurani, tetapi sedikit sekali kamu bersyukur”⁸

وَلَا تَقْفُ مَا لَيْسَ لَكَ بِهِ عِلْمٌ إِنَّ السَّمْعَ وَالْبَصَرَ وَالْفُؤَادَ كُلُّ أُولَئِكَ
كَانَ عَنْهُ مَسْئُولًا

“ Dan janganlah kamu mengikuti sesuatu yang tidak kamu ketahui. Kerana pendengaran, penglihatan, dan hati nurani, semuanya akan diminta bertanggungjawab”⁹

Allah SWT telah memilih pendengaran sebelum penglihatan, itu disebabkan pendengaran yang paling tepat dan halus, kerana pendengaran merupakan faktor penting dalam proses komunikasi linguistik, dan ia adalah kemahiran yang hanya dapat dikuasai oleh seseorang yang terlatih di padanya .¹⁰

Apa yang menegaskan kelebihan mendengar adalah bahawa para sahabat Rasulullah SAW telah menghafal Al-Quran. Sesungguhnya telah berpesan orang arab di dalam kata-kata mereka ;

"تعلم حسن الاستماع قبل أن تتعلم حسن الكلام"

“Belajarlah untuk mendengar dengan baik sebelum anda belajar bercakap dengan baik. “

Sesungguhnya, apabila mendengar, seseorang memerlukan pendengaran lebih fokus daripada banyak bercakap.¹¹

Para sarjana Muslim percaya bahawa pengetahuan dapat diperolehi ; pertama dengan diam, yang kedua adalah mendengar, yang ketiga adalah artikulasi, dan yang keempat adalah mempraktikkan,. Kadang-kadang ramai penyelidik menekankan betapa pentingnya kemahiran ini, misalnya, ahli bahasa Krashen, percaya bahawa kemahiran mendengar dapat membantu pelajar mengembangkan kemahiran berbahasa yang lain.

Mengenai perkembangan kemahiran bahasa lain, dan (Khalidiya 1993) menganggap: "Mendengar bukan hanya sekadar mendengar kumpulan perbendaharaan kata dalam dialog pendek atau panjang dan mendengar bahan atau ayat yang berulang, tetapi ia mesti memberi pelajar bahan asal, yang kaya dengan pengetahuan.¹²

KONSEP KEMAHIRAN MENDENGAR

Mendengarkan adalah memahami ucapan, atau memberi perhatian sesuatu yang didengari, Seperti mendengar kepada pembicara. Adapun pendengaran, itu adalah deria dan alatnya adalah telinga. Mendengarkan adalah prasyarat untuk perkembangan linguistik secara umum. Setiap manusia dilahirkan dalam keadaan tidak boleh berbicara kecuali hanya menangis, kemudian diikuti dengan tawa dan kemudian menyebut kata-kata yang begitu sederhana, sebelum mengucapkan banyak kata, dia cuba meniru suara yang mempengaruhinya melalui orang di sekelilingnya, dan dia menyebut sekali dan berkali-kali sehingga dia menguasai artikulasi.¹³ Menurut (Don Brown) percaya bahawa yang dimaksudkan dengan mendengar bukanlah mendengar semata-mata, tetapi apa yang dimaksudkan ialah mendengar secara aktif, dan ini lebih tepat dalam menggambarkan kemahiran yang sepatutnya diajarkan kepada pelajar. Mendengar adalah proses mendengar secara aktif yang membentuk aksara yang dituturkan dan kemudian menafsirkannya.¹⁴

Jelas bahawa mendengar tidak bermaksud seseorang mendengar semua perkataan yang diucapkan dan memahaminya sepenuhnya. Ini kerana seseorang mungkin juga lebih cenderung mendengar kata-kata dan frasa yang dia tidak difahami. Seseorang akan keliru dan kehilangan kemampuan untuk mengikuti percakapan, dan keadaan ini dapat diatasi dengan cara pelajar mendengar dalam perbualan yang sah sahaja.¹⁵

SUDUT BAHASA:

Perkataan **السمع** bermaksud pendengaran: Dari kata terbitan **تسمعا وسماعا وسماعة** **السمع** bermaksud pendengaran, alat pendengaran, dan audio.

وسمعه الصوت وأسمعه أي استمع له وتسمع إليه

Maksudnya: Dia mendengar suara itu dan mendengarnya, iaitu mendengarkan untuknya dan mendengarkan padanya.¹⁶

SUDUT ISTILAH : الاستماع

Mendengar adalah proses manusia yang terbatas bertujuan untuk memahami, menganalisis, menafsirkan, dan kemudian membentuk pada akal.¹⁷

Mendengarkan adalah kemahiran bahasa yang dipraktikkan dalam kebanyakan aspek pendidikan. Ia bertujuan untuk menarik perhatian pelajar dalam memahami sesuatu yang didengari, serta berupaya berinteraksi dengannya untuk mengembangkan aspek kognitif, emosi dan kemahiran.¹⁸

Oleh itu, mendengar adalah salah satu daripada empat seni bahasa dan yang pertama dari seni ini, diikuti dengan bercakap, membaca dan menulis, kerana setiap bahasa hidup yang berlegar: mempunyai dua aspek utama: mendengar dan yang kedua: bercakap. Pada aspek bahasa pertama ialah mendengar ketika menerima apa yang didengari serta menyebut. Aspek kedua ialah, orang yang bercakap ketika dia menghantar maklumat.¹⁹ Sesungguhnya berbeza nama-nama yang diberikan berkaitan dengan *al-Istima'* sebahagiannya ialah, *al-Idrak as-sam'ie* , (persepsi pendengaran) , *al-Wa'ie saoti* (Kesedaran fonetik) , *Qiraah sam'iyah* (pembacaan pendengaran) , dan *at-tamayyiz al-souti* (diskriminasi fonemik).

PERBEZAAN ANTARA ISTILAH (الانصات، الاستماع، السماع)

Terdapat perbezaan antara tahap penerimaan audio (as-sima', al-istima', al- insat), seperti berikut:

1. السماع: Ini bermaksud bahawa telinga menerima getaran suara tanpa memperhatikannya. Ini adalah proses fisiologi yang bergantung pada telinga dan kemampuannya untuk mengambil getaran, dan tidak memerlukan pembelajaran.

السمع adalah proses memahami isyarat atau kata-kata yang dipancarkan melalui telinga, merupakan kalimat yang membawa makna tertentu, dan itu adalah perkara kehendak yang terjadi pada seseorang tanpa campur tangan atau perhatiannya.²⁰

2. الاستماع: adalah seni yang merangkumi beberapa proses. As-saiyyid menjelaskan bahawa: "mendengar dengan mengatakan: "Ini adalah mendengar, memahami, menafsirkan dan mengkritik." ²¹ ertinya, mengetahui, memahami, menafsirkan, dan menilai simbol yang diucapkan, yang telah kita ketahui melalui pendengaran.

Dikatakan: "Mendengarkan adalah bahawa aktiviti minda yang memungkinkan pelajar untuk mendengar secara sedar, memberi perhatian dan fokus, dan terus menerus dengan apa yang didengari, atau berusaha memahami dan mengetahui idea yang paling penting."²²

3. الانصات: yang dimaksudkan dalam bahasa adalah diam dan mendengarkan ucapan sambil memusatkan perhatian dan berkeadaan mendengar atau dikenali sebagai mendengar secara aktif.²³

الاستماع lebih utama daripada الانصات dan membezakan tahap memberi perhatian dan fokus, kerana kemahiran mendengar secara aktif (الانصات) menyempurnakan penguasaan mendengar (الاستماع). Tambahan demikian mendengar, (الاستماع) lebih umum dan mendengar secara aktif (الانصات) lebih khusus dan hubungan kedua-duanya daripada umum kepada khusus.

JENIS-JENIS MENDENGAR (الاستماع)

Terdapat banyak pendapat dalam mengklasifikasikan jenis-jenis mendengar, dan para pendidik berbeza pendapat dalam menentukan jenis mendengar.

Pertama : Mendengar sumber.

Kedua : Tahap Mendengar.

Ketiga : Tujuan mendengar.

Terdapat kategori mendengar mengikut fungsinya berdasarkan kategori berikut:

1. Mendengar dalam Kelompok Sosial: (الاستماع الاجتماعي) Ia dilakukan oleh individu pada waktu sosial tertentu. Jenis ini merujuk kepada mendengar di dalam kelas bahawa pelajar

sebagai pembaca, penutur atau pendengar, memainkan peranannya dalam proses komunikasi. Ini dilakukan oleh pelajar bercakap di mana peranan orang lain dalam bercakap berakhir.

2. Mendengar Sekunder (الاستماع الثانوي) : seperti mendengar lagu semasa menghasilkan karya lain, seperti melukis atau menulis.

3. Mendengarkan Berirama (الاستماع الإيقاعي) : iaitu yang dilakukan sebagai tujuan yang berasingan pada dirinya, seperti mendengar dialog antara dua pihak, atau mendengar drama dan sebagainya.²⁴

Sebilangan sarjana telah mengklasifikasikan mendengar dalam bidang pendidikan mengikut apa yang dicapai dari sudut ,pemahaman, analisis, pentafsiran, kerana mendengar adalah seni yang bergantung pada tujuan dan kehendak untuk memahami bahan audio dan kemudian menganalisis dan menafsirkannya, kemudian mengkritik dan menilai.²⁵ Ia dapat dibahagikan seperti berikut:

1. Mendengarkan Lansung (الاستماع التحصيلي) : Dalam jenis ini, fokusnya adalah memberi perhatian pada bahan audio, menghubungkan idea antara satu sama lain, menentukan makna audio dari konteks, mengklasifikasikan dan menyusun fakta, mengklasifikasikan persamaan dan kemudian membezakan antara satu sama lain, serta keupayaan untuk membuat kesimpulan dari bahan-bahan ini. Ia diketahui dengan mendengar, meneliti kosa kata, dan mengurangkan kata dan frasa.

2. Mendengar Secara Marginal (الاستماع الهامشي) : Jenis pendengaran ini bermaksud merangka apa yang dikatakan tanpa masuk ke dalam perincian dan tanpa penilaian. Hal ini kerana dicemari oleh kecacatan dalam pemahaman dan transisi, malah kebanyakan pendengaran kanak-kanak adalah seperti ini.

3. Mendengar untuk Berhibur (الاستماع من أجل المتعة) : Ini termasuk mendengarkan kandungan bahan audio, menghargai apa yang disampaikan oleh penutur, memberikan respons

terhadapnya, menentukan pendekatan bicara dan ciri-cirinya, mempengaruhi suara pembicara dan bersegera mendengar untuk merasai atau memahami. Ini termasuk jenis mendengar untuk merasai, Ia juga termasuk الإنصات pendengaran.

4. Mendengar Secara Kritis الاستماع الناقد : Mendengar yang bergantung pada membincangkan apa yang didengar dari penutur dan menyatakan pendapat mengenainya, sama ada menyokong atau menentangannya.²⁶

Dari segi hubungan kemahiran mendengar (الاستماع), dan mendengar secara aktif (الإنصات) pada aspek yang khusus berbanding kemahiran lain.

Hubungan antara mendengar (الاستماع) secara umum dan mendengar secara aktif (الإنصات) secara khusus, dan kemahiran membaca sangat kuat, kerana mendengar dengan teliti adalah dasar untuk menguasai kosa kata, dan kata-kata dalam pelbagai keadaan, seperti pengucapan dan mengeluarkan bunyi huruf dengan cara yang betul, dan pembinaan kata-kata untuk ungkapan lisannya pada tahun pertama pengajian. Seseorang dapat mendengar lebih banyak fonetik ketika mendengar adalah lebih utama daripada seseorang yang belajar membaca.

Hubungan antara mendengar dan membaca adalah erat kerana ia adalah asas dari pelbagai keadaan fonetik yang memerlukan pendengaran dan perhatian, kerana individu pada umumnya dan pelajar khususnya menerima makna dan idea di sebalik apa yang didengari daripada kata-kata dan frasa yang diucapkan oleh penutur dan pembaca mengenai sesuatu perkara.²⁷

Oleh itu, kemampuan untuk mendengar sangat penting dalam belajar membaca dan menguasainya. Kemahiran membaca bergantung pada kemahiran mendengar. Mendengar fonetik adalah salah satu seni mendengar²⁸

Adapun hubungan mendengar dengan berbicara, ini adalah hubungan yang integrasi kerana proses komunikasi linguistik didasarkan pada penghantaran dan penerimaan, iaitu penutur dan pendengar antara idea dan maklumat.

Al-Azzawi percaya bahawa dia mengatakan: "Pendengar yang baik adalah pembicara yang baik, dan kedua-duanya tidak dapat dipisahkan."²⁹

Adapun hubungan antara mendengar dan menulis, itu diwakili oleh pendengar yang baik, iaitu mendengar dan merenung, yang dapat membezakan antara fonetik huruf, sehingga dia dapat menulisnya, sepertimana yang didengari dengan baik meningkatkan pendengaran dengan kekayaan lafaz, sebagai kajian menunjukkan (Madkour, 1988). Terdapat hubungan positif antara latihan mendengar yang dimaksudkan dan tahap prestasi pelajar dalam ekspresi bertulis.³⁰

BAGAIMANA UNTUK MENINGKATKAN KEMAHIRAN MENDENGAR SECARA AKTIF?

Terdapat beberapa kaedah yang membolehkan guru melatih pelajarannya dan meningkatkan kemahiran mendengar mereka :

1. Guru perlu menjadi teladan kepada muridnya dengan memperdengarkan kepada mereka dan mendengar semula semasa mereka bertutur dengan memanfaatkan beberapa topik perbincangan hasil daripada bahan ransangan seperti, akhbar harian di surat khabar dan majalah atau isu semasa.
2. Investasi dalam kelas dan mengekspresi kemahiran mendengar dengan mengaitkannya kemahiran ekspresi dan komposisi, seperti meminta pelajar membuat cerita yang serupa dengan yang diceritakannya kepada mereka.
3. Mengeksploitasi teks ejaan di kelas ejaan dengan membacanya kepada pelajar sebagai sebahagian daripada perbincangan mereka mengenai idea yang terkandung di dalamnya.
4. Mengembangkan bahagian teks tatabahasa dan sastera, dan kesimpulan yang terdapat dalam kaedah tatabahasa dan idea-idea asas.

CABARAN PADA PENERAPAN DAN PRAKTIKAL MENDENGAR

Masalah pendengaran dapat dikelaskan kepada beberapa kategori, termasuk:

PERTAMA: masalah yang berkaitan dengan pendengar, iaitu:

- a. Masalah kongenital seperti kelemahan dalam sistem pendengaran.
- b. Masalah psikologi kongenital seperti keengganan untuk mendengar dan tidak belajar kerana kemampuan mental yang lemah dan tahap kecerdasan yang rendah.³¹

KEDUA : Masalah yang berkaitan dengan bahan yang dipilih:

Bahan tersebut mungkin tidak sesuai untuk kebolehan pelajar dan tidak memenuhi keperluan mereka.³²

KETIGA : Masalah yang berkaitan dengan guru:

Guru mungkin tidak dapat melihat perbezaannya, atau bersikap emosional dan lemah dalam mengendalikan pengajaran melalui kemahiran mendengar, atau mungkin tidak pandai mengajar seni mendengar secara aktif.

KEEMPAT: Masalah yang berkaitan dengan kaedah: Kaedah pengajaran yang digunakan oleh guru tidak mengambil kira motif untuk memahami atau melaksanakan kemahiran mendengar, atau kaedah tersebut tidak mempunyai alat bantu mengajar yang sesuai untuk subjek tersebut. Semua rintangan ini perlu diatasi dengan mendengar secara aktif supaya pembelajaran dapat mencapai objektif yang diinginkan.

ASAS-ASAS PENGAJARAN KEMAHIRAN MENDENGAR

Kajian telah membuktikan bahawa kemahiran mendengar dapat diajarkan, dan bahawa individu terlibat perlu mempelajari kemahiran ini. Ia memerlukan seorang guru yang cakna dengan tahap kesiagaan yang tinggi, dan ia memerlukan pendekatan yang teratur untuk mengajar kemahiran ini, dan teramat penting bagi institusi pendidikan khususnya dan fakulti pendidikan amnya.³³

Dalam pengajaran mendengar, dua masalah mesti diambil kira agar pengajaran menjadi pengajaran yang berkesan:

1. Menyediakan bahan yang didengari oleh pelajar agar sesuai dengan kemampuan mereka.
2. Motivasi pelajar harus dinaikkan untuk mendengar, yang memerlukan respons mengikut waktu.³⁴

Mengajar menggunakan kemahiran mendengar, perlu melalui beberapa peringkat. Guru perlu berusaha untuk membantu pelajar memahami kehendak matapelajaran dan isi kandungan pembelajaran. Oleh kerana pelajar baharu tidak dapat membaca dengan kuat atau senyap, mendengar adalah kaedah terbaik untuk menyampaikan isi pembelajaran.³⁵ Kemudian guru diarahkan untuk mendengar maklumat yang akan mereka perolehi dalam menentukan isi utama, dan kata-kata dan frasa baru mesti diterangkan dan beberapa arahan yang menyumbang kepada

bentuk penulisan ringkasan yang telah pelajar dengari. Oleh itu, adalah perlu untuk menilai setiap penutur, pendengar, dan pelajaran yang didengari. Susulan itu boleh membentuk soalan yang diajukan oleh guru kepada pelajar atau sebaliknya, dan ini dipanggil kaedah pemahaman.³⁶

Sekiranya kita membuat perbandingan sederhana antara kurikulum kita dalam bidang kemahiran mendengar dan kurikulum negara maju, kita akan melihat perbezaan yang ketara antara kedua pendekatan tersebut, kerana kurikulum Barat telah memberikan seni ini sebagai sebahagian yang besar dalam kurikulum mereka, dan bahkan mendedikasikan buku khas kerana kepentingannya. Satu yang bertentangan, ialah kurikulum kita tidak mendapat minat yang setara dengan kepentingan kemahiran ini.³⁷

LANGKAH-LANGKAH PENGAJARAN MENDENGAR

1. Set Induksi

Menurut Ahmad Mohd Salleh, Set induksi dapat mewujudkan kesediaan murid untuk belajar. Pelaksanaan set induksi yang amat sesuai, menarik, menyeronokkan, dapat menarik tumpuan dan memotivasikan murid.³⁸

Guru perlu mewujudkan kesediaan minda pelajar untuk kemahiran mendengar, dengan menjelaskan kepentingan pelajaran, dan menghubungkan bahan pembelajaran yang akan disampaikan kepada mereka, kemudian menentukan kemahiran yang ingin dilatih, seperti mengekstrak idea utama dan idea sekunder.

2. Bahan Bantu Mengajar

Menurut Atan Long (1980), membahagikan alat bantu mengajar (kini dikenali sebagai bahan bantu mengajar) kepada tiga kumpulan, iaitu pendengaran, alat pandangan, dan alat pandang dengar.³⁹

Guru perlu mempersembahkan bahan dan apa yang sepadan dengan objektif yang ingin dicapai, seperti memperlahankan atau mempercepat membaca, atau berhenti sebentar di akhir perenggan, dan sebagainya.

Menyediakan segala yang dapat membantu mencapai objektif pelajaran, seperti menjelaskan maksud perkataan, membincangkan apa yang mereka dengar bersama pelajar, dengan mengemukakan soalan yang membawa kepada pencapaian objektif. Menilai

pencapaian dengan mengemukakan soalan lebih mendalam yang berkaitan dalam kemahiran mendengar dan perubahan tingkah laku yang sebelumnya dikenal pasti semasa menyidiakan pengajaran. Diharapkan soalan-soalan ini komprehensif untuk semua objektif dapat mengukur objektif pembelajaran yang ditetapkan.

INSTURMEN MENDENGAR

Bagi mendengar terdapat beberapa soalan yang memerlukan interaksi antara murid dan pengkaji. Pengkaji membaca teks kemudian murid mendengar dan memberi respons terhadap soalan. Beberapa item diuji termasuk fasahah, kelancaran, intonasi dan tatabahasa.

MURID	FASAAH	KELANCARAN	INTONASI	TATABAHASA	JUMLAH SKOR
1	8	4	3	3	18/25
2	10	5	5	5	25/25
3	8	4	4	2	18/25
4	8	4	4	1	17/25
5	8	4	4	1	17/25
6	8	4	4	1	17/25
7	7	4	3	1	15/25
8	7	4	4	1	16/25
9	8	4	4	1	17/25
10	9	4	4	2	19/25
11	8	4	4	1	17/25
12	8	3	3	1	15/25
13	8	4	4	1	17/25
14	7	3	3	1	14/25
15	7	4	4	1	16/25

Dapatan kajian menunjukkan terdapat skor kemahiran mendengar melalui ujian lisan murid. Seramai 15 murid daripada 20 murid menjadi sample kajian. Dapatan kajian membuktikan pelaksanaan tindakan susulan amat penting dilaksanakan oleh guru Bahasa Arab kepada murid yang belum mencapai TP minimum. Kajian ini juga membuktikan keperluan

guru Bahasa Arab membuat penambah baikan dalam kemahiran mendengar amat perlu berdasarkan kepelbagaian pencapaian murid. Peluang perlu diberikan kepada murid untuk meningkatkan TP 3 kepada TP 5 dalam pembelajaran dan guru perlu melaksanakan pertimbangan profesional semasa melaksanakan penilaian kepada murid (KPM, 2018).

KESIMPULAN

Terdapat pelbagai jenis seni mendengar, dan mendengar secara aktif adalah salah satu seninya. Mendengarkan adalah salah satu dari empat kemahiran bahasa pertama, dan ia mempunyai tempat yang terbaik dalam seni penguasaan kemahiran bahasa.

Pada aspek pendidikan dari keempat kemahiran berbahasa yang sangat diperlukan adalah kemahiran mendengar. Kami merasakan bahawa mendengar merangkumi dalam semua aspek ini, dan ini bertujuan untuk menarik perhatian pelajar terhadap sesuatu yang didengar dan memahaminya, dan berinteraksi dengannya untuk berkembang dalam aspek kognitif, emosi dan kemahiran.

CADANGAN

Murid

1. Murid perlu mendengar secara aktif apa yang disampaikan oleh guru di dalam kelas, dan cuba mengulang beberapa kali perkataan atau frasa yang didengari
2. Banyakkan mendengar dan meniru percakapan arab di saluran-saluran seperti rancangan arab yang fasih di pelbagai media seperti Youtube atau Tiktok.

Guru

1. Guru berperanan yang besar, kerana guru perlu menjadi ikutan bagi muridnya, dan memberi perhatian terhadap muridnya dalam mendengar, dan tidak mengganggu pertuturannya sehingga dia sempurna menyampaikan ucapannya.
2. Kemahiran ini perlu mengambil kira perbezaan individu antara pelajar yang berpendidikan, terutamanya pelajar yang lambat dalam pembelajaran dan menyediakan modul yang sesuai.

3. Perancangan pengajaran yang baik, kaedah yang sesuai dipilih oleh guru, dan jelas objektif yang ingin dicapai.
4. Sentiasa mengaitkan fokus pada mendengar dengan perkataan-perkataan yang berkaitan agama seperti; syariat, perintah dan larangan dalam agama.
5. Memilih teks menarik yang sesuai mengikut tahap pelajar, dan memilih tahap bahasa tertentu untuk mencapai objektif.

Sekolah

1. Menyediakan persekitaran belajar yang sesuai untuk tahap kognitif dan persediaan psikologi pelajar supaya mereka dapat menerima pelajaran dengan baik dan memahami konsepnya.
2. Mengadakan kekuatan material dan bukan material untuk membantu mencapai matlamat, seperti menyediakan alat bantu mengajar yang sesuai.

RUJUKAN:

1. Ibn Manzur, Jamal Al-Din Muhammad, *Lisan Al-Arab*, Cetakan Kedua, *Dar Ihya' at-Turathi al-Arabi, Beirut*, 1992 .
2. Abu Al-Durabi, Khalid, *Athar Tazwid at-Talamiz bi maharat al-Qiraah al-Jahriah* , Universiti Yarmouk, Irbid, Tesis Sarjana, 1989 .
3. Al-Jambuluty, Ali, Abu Al-Fotouh, *al-Usul al-Hadithah litadris al-Lughah al-Arabiah wat tarbiyyah ad-Diniyyah*, Cetakan ketiga, Dar Al-Nahda, Mesir , Kaherah, 1984..
4. Al-Jumaili, Zainab, Abdul-Hussein Hamdan, *Athar Istima' an-Naqad I'nda tadris al-Mutolaah fi ada' atta'biri wa tanmiah attafkir al-Naqad liltolibat al-marhalah al-'id'dadiyah*, Kulliyah at-tarbiyyah , ibnu Rusyd, Universiti Baghdad, Tesis Phd , 2004.
5. Atan Long **Pedagogi Kaedah Am Mengajar Petaling Jaya**: Fajar Bakti. Sdn. Bhd 1980

6. Khatir, *Turuq Tadrīs Al-Lughah Al-Arabīyah Wat Tarbiyyah Ad-Dīnīyah Fī Dha' Ittijahat At-Tarbawīyah Al-Hadīthah*, Cetakan 4, 1989.
7. Al-Zawba'i, *Abdul-Jalil, Ikhtībarat Wal Maqayīs An-Nafsiyah*, Kementerian Pengajian Tinggi, Dar Al-Kutub Attibaah, Universiti Mosul, 1981.
8. Setitah, Samir Sharaf, *al-Mabadi' al-Lisaniyyah wa tatbiqatiha fī tadrīs al-Lughah al-Arabīyah*, Majalah Jamiyah Dimasyaq, Bil. 13, 1992.
9. El-sayed, Mahmoud Ahmed, *Ta'lim Al-Lughah Al-Arabīyah Baina Waqi' Wa Tomuh, Tallas Lidirasah Wattarjamah*, Dimasyaq, 1988.
10. Al-Syanti, Muhammad Salih, *Madkhal Ila Khasais Al-Lughah Al-Arabīyah Wa Fununiha*, Cetakan Kedua, *Dar Al-Andalus*, 2001.
11. Sala, Samir Yunus, Saad Muhammad Al-Rashidi, *At-Tadrīs Al-A'am Wa Tadrīs Al-Arabīyah*, Cetakan Pertama, Maktabah al-Fallah lilnasyar wat tauzi', 1999 AD.
12. Al-Sawafi, Nasra Bint Muhammad, *Taqwīm 'Ada' Talamiz Halawah Ula Minal Al-Ta'lim Al-Asas Fī Maharat Al-Istima'*, Kulliyah at-Tarbiyyah, Jamiyah Sultan Qobus, Tesis Master, 2001
13. Taimah, Rushdi Ahmad, Muhammad Al-Saiyyid Al-Manna', *Tadrīs Al-Arabīyah Fī Ta'lim Al-A'am*, *Nazariyat Wat Tajribat*, Dar Al-Fikr Al-Arabi, 2001.
14., *Ta'lim Al-Arabīyah Wad Din Baina A'ilm Wal Fan*, Cetakan 1, Dar Al-Fikr Al-Arabi, 2000.
15. Asyur, Ratib Qassem, Muhammad Fouad Al-Hawamdeh, *Asalib Tadrīs Al-Lughah Al-Arabīyah Baina Nazariyah Wattatbiq*, 1 Editio, Dar Al-Masira, Amman, 2007.
16. Al-Azzawi, Faiza Muhammad Fakhri, *Bina' Barnamij Lilistima' Litalamiz As-Sof Al-Rabi' Al-Ibtidai Fī Dho'i Kifayatihim Al Lazimah*, Kuliyyah At-Tarbiyyah, Ibnu Rusyd, Universiti Baghdad, Tesis Phd, 2003

17. Kementerian Pendidikan Malaysia **Kurikulum Standard Sekolah Menengah, Al-Lughah al-‘Arabiah al-Mu‘asirah, Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Tingkatan 5** Bahagian Pembangunan Kurikulum; Kementerian Pendidikan Malaysia: Putrajaya, 2019
18. Kementerian Pendidikan Malaysia **Panduan Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD)**. Bahagian Pembangunan Kurikulum; Kementerian Pendidikan Malaysia: Putrajaya 2018
19. Mujawar, Salah al-Din, *Tadris Al-Lughah Al-Arabiah Fi Marhalah Thanawiyah, Assahu, Wattabiwati At-Tarbawiyah*, Dar al-Fikr al-Arabi, Kaherah, 2000.
20. Muhammad Ziyad, Massad, *Maharah Al-Istima;’ Wakaifiyyah At-Tadrib Alaiha*, Amman, Amman, 2009
21. Mazkur, Ali Ahmed, *Tadris Funun Al-Lughah Al-Arabiah* , Kaherah, 1980.
22. *Tadris Funun Al-Lughah Al-Arabiah* , Dar Al-Fikr Al-Arabi, Jordan, 2000.
23. Nusirat, Saleh, *Turuq Tadris Al-Arabiah, Dar Syuruq*, Amman, 2006.
24. Nasir, Hamdan Ali, *Mustawa Ada’ As-Sif Awal Atthanawi Fi Maharat Al-Istima’ Fi Dhaoi Mu’syarat As-Sulukiah Zat Al-Alaqah*, Majalah Kuliyyah at-Tarbiah, Bilangan 13, Jilid 2, 1997,
25. Wali, Fadel Fathi Muhammad, *Tadris Al-Lughah Al-Arabiah Fi Marhalah Al-Ibtidaiyyah (Turuqah, Asalibiyyah, Qadayah*, Dar Al-Andalus, 1998.
26. Yunus ,Mahmoud Kamal an-Naqah, *Assasiyat At-Ta’lim Al-Arabiah, Dar At-Thaqafah, liltiba’ah wa nasyar*, Kaherah 1978.

¹ Surah al-Ma’idah : 108

² Surah at-Taghabun : 16

³ Kementerian Pendidikan Malaysia, <https://www.moe.gov.my/en/soalan-lazim-menu/kurikulum/kurikulum/1/12/2022>

⁴ Nasir 1997 hlmn : 2

⁵ Yunus dan Mahmood an-Naqah 1978

- ⁶ Wali : 1998 hlmn : 144, Mujawar 200, hlmn : 90
- ⁷ Al-A'raf : 204
- ⁸ Al-Mu'minun : 78
- ⁹ Al-Isra' : 36
- ¹⁰ Mazkur 1980, hlmn : 82
- ¹¹ Jambaliti : 1982 : hlmn : 56
- ¹² Nasirat 1998 , halaman 205
- ¹³ Ibid : 2000 halaman 127
- ¹⁴ Tha'imah wa mana', 2001, halaman 80
- ¹⁵ LATEF-NET.1992 .P35
- ¹⁶ Madah لسان العرب-ع-س Lisan arab, Ibnu Manzur, Halaman 162
- ¹⁷ Thaimah : 2000, halaman : 143
- ¹⁸ Al-Azawi, 2003 : halaman 23
- ¹⁹ Salah, 1999, halaman : 13
- ²⁰ Al-Sowafi, 2001, Halaman 45
- ²¹ As-Saiyyid, 1988, halaman : 98
- ²² Satitah dan lain-lain. 1995 , Halaman : 44
- ²³ Jamili, 2004, Halaman 41
- ²⁴ Syaibah, 1992, Halaman 76.
- ²⁵ Al-Syanti, 2001, Halaman : 159
- ²⁶ Rusydi dan Lain-lain, 1989, halaman 62, Mujawar, 2000, halaman 218
- ²⁷ Ad-durabi, 1989 halaman 56
- ²⁸ Mccaullay,1992, Halaman : 34
- ²⁹ Khatir dan Lain-lain, 1989, halaman : 12
- ³⁰ Al-Azawi, 2003, Halaman : 34
- ³¹ Solah dan Rusyaidi, 2001, Halaman: 162
- ³² Waliy, 1998, Halaman : 152
- ³³ Ibid, 2000, Halaman: 63
- ³⁴ Thaimah, Mana', 2001, Halaman : 87
- ³⁵ A'syur, 2007, Halaman : 99
- ³⁶ Solah, 1999, Halaman: 132, Mazkur 2000, Halaman:63
- ³⁷ Asyur, 2007, Halaman : 98
- ³⁸ Ahmad Mohd Salleh 2011, Halaman : 223
- ³⁹ Atan Long 1986

